

PENELITIAN TERHADAP PENGLIBATAN SARJANA BARAT DALAM PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU MENERUSI PENYUSUNAN KAMUS MELAYU-INGGERIS

*A Scrutinisation on the Involvement of Western Scholar in Malay Language Development
through the Arrangement of Malay-English Dictionary*

Sabariah Sulaiman & Nurmadiah Abdul Halim*

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan
Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
sabariah.sulaiman@fbk.upsi.edu.my, *nurmadiahabdhalim@gmail.com

Published: 30 Disember 2024

To cite this article (APA): Sulaiman, S. ., & Abdul Halim, N. . (2024). Penelitian terhadap penglibatan sarjana barat dalam perkembangan Bahasa Melayu menerusi penyusunan kamus Melayu-Inggeris. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(2), 65-76. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.7.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.2.7.2024>

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan latar belakang seorang pengkaji bahasa Melayu dalam kalangan sarjana dari Barat iaitu William Marsden (1754 -1836 M) yang dikumpul menerusi kajian kepustakaan. Di samping itu, makalah ini turut membahas tentang penglibatan beliau yang paling ketara dalam memperkembangkan bahasa Melayu. Bagi tujuan yang pertama, penelitian telah dilakukan dengan memetik secara langsung maklumat dari sumber-sumber kepustakaan manakala bagi tujuan kedua pula, penelitian telah dibuat terhadap kamus susunan beliau iaitu *A Dictionary of the Malayan Language* (1812). Hasil penelitian telah menemukan beberapa maklumat mengenai latar belakang sarjana ini yang boleh dikaitkan dengan dorongan kepada penglibatan beliau dalam perkembangan bahasa Melayu. Di samping itu, penelitian terhadap kamus tersebut jelas memperlihatkan penglibatan langsung beliau khususnya dalam usaha menggunakan bahasa Melayu secara tidak formal dan mempromosi bahasa Melayu kepada orang-orang Barat. Maklumat daripada penelitian ini dapat dijadikan panduan berhubung strategi memperkembangkan bahasa dan keperluan menghasilkan rujukan sokongan yang sistematik untuk pembelajaran bahasa Melayu khususnya dalam kalangan penutur bukan natif.

Kata kunci: William Marsden; bahasa Melayu, tulisan Jawi, kamus Melayu-Inggeris

ABSTRACT

*This article discusses a library study on the background of a Malay Language researcher, among those scholars from the West, William Marsden (1754 -1836 M). The article also discusses his profound involvement in developing the Malay Language. To meet the first aim, the scrutinisation was made by directly quoting the information from select library resources and as for the second aim, the analysis focused on the dictionary he compiled - *A Dictionary of the Malayan Language* (1812). Some of the findings related to the scholar's background explain the motivation that has led him to engage himself in the development of the Malay Language. Besides, the exploration on the dictionary provides insight on his direct involvement in the efforts of informally using the Malay Language and promoting the language to the Westerners. The study findings may serve as a guideline on strategies of language development and the needs to produce systematic peripheral resources for the learning of the Malay Language, particularly among non-native speakers.*

Key words: William Marsden; Malay language, Jawi script, Malay-English dictionary

PENGENALAN

Perkembangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di Alam Melayu sememangnya berhubung kait bukan sahaja dengan sarjana tempatan tetapi juga berkait rapat dengan penglibatan sarjana Barat. Antara sarjana Barat tersebut ialah William Marsden yang turut dikenali sebagai linguist, orientalis dan pakar dalam bidang filologi. Bukan itu sahaja, beliau juga digelar dengan berbagai-bagai gelaran yang lain seperti yang dinyatakan oleh Carroll (2011) di dalam artikelnya mengenai Marsden iaitu *“He was also however, a lexicographer, translator, natural historian and numismatist, and first and foremost, a comparative philologist, and this is the key to his multifaceted scholarship”* (hlm. 269).

Menerusi makalah ini, tinjauan dilakukan terhadap latar belakang dan penglibatan Marsden dalam memperkembangkan bahasa Melayu. Hal ini ditelusuri secara mendalam menerusi keseluruhan perjalanan hidup beliau sebagai seorang individu dari Barat yang tidak mahir berbahasa Melayu tetapi telah berusaha untuk mempelajarinya sehingga layak digelar sebagai seorang pengkaji bahasa Melayu. Tinjauan bagi penglibatan beliau dalam perkembangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi pula diuraikan menerusi salah satu karya terpenting beliau iaitu kamus yang berjudul *“A Dictionary of the Malayan Language”* (1812M).

Latar Belakang William Marsden

William Marsden dilahirkan di Vervale, County Wicklow yang terletak di negara Ireland pada tarikh 16 November 1754 (Marsden, 1838). Beliau berasal daripada sebuah keluarga Irish yang miskin (Kratz, 2006). Namun demikian, beliau sebenarnya bukan seorang yang berketurunan *Irish* yang tulen kerana nenek moyangnya pernah berhijrah pada suatu ketika dahulu. Menurut Marsden (1838) lagi, keluarganya pernah tinggal di kawasan kejiranan di Derbyshire. Oleh itu, beliau dipercayai berketurunan *Anglo-Irish* berdasarkan pernyataan Carroll (2019) iaitu *“therefore, although Marsden was born in Ireland, he was not Irish but Anglo-Irish: an important, but frequently unrecognised, distinction”* (hlm. 71). Walaupun Marsden masih lagi kecil, penerapan konsep keagamaan sudah pun dilakukan oleh keluarganya. Hal ini dapat dibuktikan melalui jenis sekolah yang dijadikan pilihan untuk Marsden menimba ilmu dan mengembangkan bakatnya iaitu sebuah sekolah beraliran pendidikan klasik yang terletak di Dublin. Dalam hal ini Marsden (1838) menjelaskan bahawa:

When I had nearly gone through the usual course of classical education at schools in Dublin (where I was the cotemporary of Viscount Strangford, father of the present lord, and some years later, of the Right Hon. George Ponsonby), I was preparing to enter Trinity College, with a view to the church, when my destinies unexpectedly led me to take a very different course.

(Marsden, 1838; hlm. 3)

Oleh itu, perancangan Marsden untuk menjadi salah seorang daripada pelajar di Trinity College tersebut tidak kesampaian apabila permohonannya untuk menjadi penulis atau kerani diterima oleh East India Company bersama-sama dengan abangnya iaitu John untuk ke Sumatera (Carroll, 2019). Kisah teretusnya idea bagi Marsden untuk mengembara dengan abangnya iaitu John Marsden digambarkan melalui catatan yang berikut:

About six years before the period here spoken of, my eldest brother, John Marsden, of whom I shall have occasion to say much in the sequel, had received the appointment of a Writer in the service of the East-India Company, at their then presidency of Fort Marlborough (Bencoolen), and made so favourable a report (perhaps too flattering) of his situation, as to induce our parent to think a similar appointment would be eligible as a provision for another son ; and his application to a friendly Director proving successful, I was accordingly nominated, and ordered to be in readiness for the sailing of the first ship.

(Marsden, 1838; hlm. 3)

Kisah kehidupannya di perantauan bermula pada 27 December 1770 apabila beliau mula mengembara dari Gravesend dan tiba di Bengkulu, Sumatera pada Mei 1771 ketika beliau masih berumur 16 tahun

(Carrol, 2019). Walaupun umur beliau masih muda, Marsden sudah mula bekerja selama lapan tahun di Bengkulu (Müller, 2014) yang merupakan tempat beliau mula mendarat selepas melalui pengembaraan pertamanya. Malahan, beliau bekerja di sebuah kilang yang dimiliki oleh syarikat yang terkemuka pada ketika itu dan hal ini dijelaskan oleh Carrol (2011) yang menyatakan bahawa “*From 1771 to 1779 Marsden worked in Sumatra as a writer in the East India Company factory at Bengkulu*” (hlm. 270). Oleh sebab itu, pekerjaan pertama beliau sebagai seorang kerani ini menjadi langkah pertama dan pencetus kepada beliau untuk menceburi bidang penulisan yang lebih luas. Seterusnya, beliau kekal berkhidmat di Fort Malborough iaitu di Bengkulu tetapi dinaikkan pangkat sebagai ketua setiausaha (Kratz, 2006). Hal ini menyebabkan beliau mempunyai peluang yang lebih luas untuk menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Maka, jelaslah bahawa Marsden sememangnya mempelajari bahasa Melayu di Bengkulu berdasarkan pernyataan Carroll (2019) “*In Bengkulu, Marsden began to collect the vocabularies that were to be decisive in overturning existing linguistic theories, especially about Malay*” (hlm. 73).

Pada tahun 1779, William Marsden kembali ke London (Carroll, 2019) dan beliau menjadi salah seorang kenalan yang dipercayai oleh Sir Joseph Bank (Marsden, 1838). Selepas perjumpaan tersebut, bermulalah pengkajian beliau terhadap tatabahasa yang telah dikumpul oleh Banks dan Dr Daniel Solander (Carroll, 2019). Berdasarkan pengkajian, pengetahuan dan pengalaman, Marsden berjaya menghasilkan karya-karya penulisan yang berkaitan dengan pengetahuan bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Hal ini dijelaskan oleh Carroll (2011) menerusi pernyataan berikut:

His revised and enlarged History of Sumatra of 1811 (Marsden 1975), which had been first published in 1783, and A dictionary and grammar of the Malayan language of 1812 (Marsden 1984) which he had begun to compile in 1786, were considered highly important and influential by 19th century international scholarship at large.

(Carroll, 2011; hlm. 249)

Beliau turut menerima beberapa anugerah bermula pada tahun 1783 hingga tahun 1785. Antara anugerah tersebut ialah “*Fellow of the Royal Society*”, “*Fellow of the Asiatic Society of Calcutta*” dan “*Fellow of the Society of Antiquaries*”. Beliau turut memperolehi ijazah kehormat dalam bidang kedoktoran (*Doctor of Civil Law*) dari Universiti Oxford, menjadi ahli dan bendahari bagi Royal Society Club pada tahun 1787 sebelum menerima jawatan setiausaha kedua bagi bahagian *admiralty* bagi kelab tersebut dan sebuah kelab lain iaitu Literacy Club. Marsden mula bersara pada tahun 1807 dan selepas 26 tahun daripada tarikh tersebut, beliau mula diserang penyakit *apoplexy*. Beliau akhirnya meninggal dunia pada tahun 1836 (Carroll, 2011) dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Kensal Green di London manakala punca kematian tersebut dikaitkan dengan serangan *apoplectic* (King’s College London, 2001).

Kecintaan terhadap ilmu pengetahuan yang ditonjolkan oleh Marsden dapat dilihat melalui kegigihan beliau dalam menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi sepanjang perkhidmatannya di Bengkulu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kisah beliau yang pernah menuntut ilmu bahasa Melayu dengan Syeikh ‘Abdul Kadir di Bengkulu semasa beliau berkhidmat di Tanah Sumatera, yang tercatat di dalam sebuah buku yang bertajuk “Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah”. Bukti tercatat pada baris yang ke-30 di dalam Hikayat Abdullah yang berbunyi, “Dan lagi ia ada mengajar tuan Inggeris yang bernama Tuan Marsden daripada jalan bahasa Melayu” (Sweeney, 2005, hlm. 241). Oleh itu, penggunaan kata panggilan “ia” di situ merujuk kepada Syeikh ‘Abdul Kadir yang pernah menjadi guru Bahasa Melayu kepada Marsden. Maka, usaha Marsden dalam menguasai bahasa Melayu ini benar-benar wujud dan terbukti dengan jelas.

26 **Bermula** adapun bapaku itu pandai dalam bahasa Hindu, yaitu
27 bahasa **Keling**, daripada tulis-menulis dan 'ilmu kira2 dalam bahasa itu,
28 istimewa dalam bahasa Melayu daripada tulis-menulis dan mengarang
29 dan membuat surat kiriman kepada raja2 Melayu. Maka sekalian perkara
30 inilah pekerjaannya mencari makan pada zaman itu. Dan lagi ia ada
31 mengajar tuan Inggeris yang bernama Tuan Marsden daripada jalan
32 bahasa Melayu. Maka adalah tuan itu memberi padanya satu surat, tanda
33 ia ada belajar daripadanya. Maka adapun surat yang tersebut itu adalah
34 kudapati dalam peti tulis bapaku, maka kuunjukkan kepada Tuan Paderi
35 Thomsen, karena adalah halku pada ketika itu sepatah pun tiada tau
36 bertutur bahasa Inggeris, istimewa pula suratnya. Maka apabila dilihat
37 oleh Tuan Thomsen akan surat itu, maka katanya: "Surat ini namanya
38 dalam bahasa Inggeris 'character', diberi oleh Tuan Marsden kepada engi."

Rajah 1: Cerita mengenai keseluruhan kisah hidup 'Abdullah iaitu anak kepada Syeikh 'Abdul Kadir.
(Sumber: Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah, Amin Sweeney, 2005)

Di samping itu, kecintaan beliau terhadap tulisan Jawi pula mula dipupuk apabila beliau mula melibatkan diri dengan bidang penulisan iaitu melalui penghasilan buku dan kamus yang sarat dengan perincian berkenaan ilmu-ilmu bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Hal ini timbul setelah Marsden berjaya mendalami ilmu bahasa Melayu. Beliau mula menghasilkan karya-karya berbentuk fizikal seperti buku dan kamus yang boleh dijadikan rujukan khususnya berkenaan bahasa Melayu. Menurut *National Library of Singapore* (2016):

Most of Marsden's publications, including a presentation copy of the third edition of The History of Sumatera (London, 1811), with the large folio of plates, and a copy of the unrecorded fourth edition with the plates reduced to quarto format, are in the collection, together with copies of his Grammar of the Malayan Language and A Dictionary of the Malayan Language, both published in London in 1812.

(National Library of Singapore, 2016; hlm. 60)

Penglibatan Marsden Dalam Perkembangan Bahasa Melayu Dan Tulisan Jawi Menerusi Penyusunan Kamus Melayu-Inggeris

Bagi tujuan mengenal pasti penglibatan Marsden dalam perkembangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi, penelitian telah dibuat terhadap kamus "*A Dictionary of the Malayan Language*" yang dihasilkan oleh beliau. Kamus ini berupa kamus dwibahasa yang mengandungi penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kamus dalam konteks penelitian ini adalah merujuk kepada buku yang menerangkan maksud kata, mempunyai panduan sebutan, asal usul (etimologi) dan contoh penggunaan sesuatu perkataan (Mohd Rashid Md Idris, Seri Lanang Jaya Rohani, Siti Khairiah Mohd Zubir, Mohd Rain Shaari & Abdullah Yusof, 2012). Dalam menyusun kamus tersebut, Marsden telah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, khususnya pada bahagian pengenalan kamus ini.

Dari segi penstrukturan kandungan, "*A Dictionary of the Malayan Language*" mengandungi dua bahagian iaitu bahagian yang pertama (halaman pertama sehingga halaman ke-371) merupakan senarai perkataan bahasa Melayu dengan terjemahan di dalam bahasa Inggeris. Dalam bahagian ini, setiap perkataan disusun mengikut turutan abjad yang dipinjam daripada bahasa Arab yang kemudiannya diubah suai mengikut kesesuaian bahasa Melayu. Malahan perkataan bahasa Melayu di dalam aksara Jawi tersebut juga diterjemahkan dengan menggunakan abjad *Europeans* atau Rumi. Berikut merupakan contoh salah satu paparan daripada kamus tersebut.

اخلاص *ikhalās* or *ikhlās*, An. friendship, affection, sincerity, candour. Sincere, friendly. *Ini-lah tanda tulus ikhalās* this is a token of sincere friendship, or a sincere and friendly token. *Menandā-kan ikhalās* to give proof of friendship. *Ber-āti ikhalās* having a friendly heart.

Rajah 2: Terjemahan perkataan “ikhlas” di dalam Bahasa Inggeris.
(Sumber: *A Dictionary of the Malayan Language*, Marsden, 1812)

Merujuk Rajah 2, perkataan ‘ikhlas’ ditransliterasi dengan tulisan Jawi (اخلاص), diterjemah dalam bahasa Inggeris (*friendship, affection, sincerity, candour*). Terdapat tiga contoh penggunaan perkataan tersebut dalam ayat bahasa Melayu iaitu pertama ‘Ini-lah tanda tulus ikhalas’ dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris (*this is a token of sincere friendship*) or (*a sincere and friendly token*), contoh kedua ‘menanda-kan ikhlas’ (*to give proof of friendship*) dan contoh ketiga ‘ber-ati ikhlas’ (*having a friendly heart*). Dengan adanya panduan sebegini, kamus ini dapat membantu pengguna untuk bertutur secara betul dengan menggunakan kosa kata mengikut konteks.


Bahagian kedua dalam kamus ini pula mengandungi perkataan bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (halaman ke-373 sehingga halaman ke-589). Semua perkataan tersebut disusun mengikut abjad bahasa Inggeris berdasarkan turutan yang betul iaitu abjad A sehinggalah abjad Z. Seterusnya, istilah bahasa Melayu yang digunakan oleh Marsden dikatakan mempunyai beberapa kriteria seperti istilah tersebut selalu digunakan, sering diaplikasikan dalam bahasa Inggeris dan merupakan istilah yang paling asli dalam bahasa Melayu (Marsden, 1812). Sehubungan dengan itu, terjemahan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu dipilih secara teliti berdasarkan kriteria-kriteria tersebut. Malahan terjemahan perkataan di dalam bahasa Melayu turut disertakan dengan ejaannya dalam tulisan Jawi. Berikut merupakan contoh salah satu perkataan yang terdapat di dalam bahagian tersebut:

MIND فِكر *ātī*, بدي *budī*; (thought) فِكر *ātī*, راس *rasā-an*, سَنَك *sanṅka*; (high-minded) فِكر *ātī* *besār*. Mind (heed) فِكر *inṅat*, هِلِغ *ēling*; (consider) فِكر *sanṅka*, مَغِير *mēngira*; (look after) فِكر *palia-ra*, جَاث *jāga*; (to have a -) فِكر *andak*, چِت *chita*, اِغِن *inṅin*. Mindful (attentive) رَاچِن *rājin*, يَغ بِرَايَغَت *iang ber-inṅat*, اَوَسَه *ūsah*.

Rajah 3: Terjemahan perkataan “Mind” di dalam bahasa Melayu.
(Sumber: *A Dictionary of the Malayan Language*, Marsden, 1812)

Berdasarkan Rajah 3, jelas menunjukkan terjemahan perkataan di dalam bahasa Melayu turut disertakan dengan ejaannya dalam tulisan Jawi. Di samping itu, penyusunan dalam bahagian kedua kamus ini berfokus kepada senarai kosa kata penting yang sering kali digunakan semasa bertutur sehari-hari. Tuntasnya, penyusunan sebegini dapat memudahkan pertuturan dalam bahasa Melayu kerana adanya rujukan yang bersifat mesra pengguna. Dengan terhasilnya “*A Dictionary of the Malayan Language*” (1812), menguatkan fakta berkaitan penglibatan William Marsden dalam memperkembangkan bahasa Melayu.

Di sebalik penghasilan kamus ini, dua penglibatan beliau yang paling menonjol dirumuskan dalam rajah di bawah.



Rajah 4: Dua penglibatan Marsden yang paling menonjol dalam pengembangan bahasa Melayu

Usaha memperkenalkan penggunaan bahasa Melayu secara tidak formal untuk memudahkan pertuturan seharian

Penguasaan sesuatu bahasa semestinya ditunjangi dengan motif ataupun tujuan yang digariskan sendiri oleh seseorang individu tersebut sama ada kemahiran berbahasa secara formal mahupun kemahiran berbahasa yang tidak formal. Secara umumnya, apabila disebut mengenai kemahiran berbahasa, maka sering kali kita anggap bahawa kemahiran tersebut hanya boleh dikuasai melalui bentuk-bentuk yang formal yakni yang lebih kritikal dari sudut peraturan-peraturan bahasanya. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan buku-buku panduan tentang kemahiran berbahasa Melayu yang diterbitkan lebih menekankan tentang penguasaan bahasa Melayu secara formal. Namun demikian, William Marsden mempunyai perspektif yang berbeza berkenaan penguasaan bahasa Melayu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, penerbitan *A Dictionary of the Malayan Language* (1812) ini menunjukkan bahawa William Marsden lebih menekankan tentang penguasaan bahasa Melayu dari aspek pertuturan yang berbentuk tidak formal. Marsden (1812) menjelaskan bahawa:

Although this English and Malayan part will be found the most useful by those who mean to acquire the language for colloquial purposes (and who are likely to be the most numerous class), the former is the essential portion of the work, in which it has been my endeavour to comprise all the knowledge of the language that could be derived either from the labours of my predecessors or from my own experience and study.

(Marsden, 1812; hlm. ii)

Perkara ini berkait rapat dengan motif utama para pengguna kamus ini khususnya orang-orang Barat yang ingin berkomunikasi dengan orang tempatan yang berbangsa Melayu. Secara logik, sekiranya bahasa Melayu formal digunakan dalam urusan seharian maka orang tempatan akan berasa janggal ketika berinteraksi dengan orang Barat. Oleh itu, kamus ini berfungsi sebagai panduan bagi orang-orang Barat untuk berinteraksi dengan orang tempatan terutamanya dalam urusan perniagaan (Nazilah Mohamad & Nor Hasimah Ismail, 2017).

Dalam pada itu, bahasa pertuturan turut meliputi kepelbagaian dialek yang berbeza mengikut kawasan di mana masyarakat tersebut tinggal. Antaranya adalah seperti dialek bahasa Melayu di kawasan Sumatra, Melaka, Johor, Kedah, Perak, Trangganu dan lain-lain. Mohd Rashid Md Idris et al. (2012) mengutarakan sebutan, perbendaharaan kata, dan tatabahasa bagi dialek adalah berbeza daripada bahasa yang standard. Oleh itu, para pengguna dapat memahami bahawa bahasa pertuturan Melayu ini adalah sangat unik dan luas penggunaannya. Perkara ini jelas dinyatakan oleh Marsden menerusi pernyataan yang berikut:

Although the general uniformity of the language as spoken in the Peninsula, and throughout the numerous islands of this extensive Archipelago, is remarkable, yet certain differences of dialect prevail, affecting especially the pronunciation of the vowels, which in some parts is much more open than in others.

(Marsden, 1812, hlm. vi)

Kamus Marsden turut mengandungi beberapa komponen yang berfungsi sebagai pemberi informasi bagi setiap perkataan, yang merangkumi komponen entri seperti ejaan, sebutan, kelas kata, senses, pengimbuhan, definisi, contoh, penggunaan dan etimologi (Mohd Suhaizi Suhaimi & Nazri Mustapha Dawan, 2018). Namun begitu, hanya beberapa komponen sahaja yang diterapkan oleh Marsden dalam penulisan kamus ini mengikut kesesuaian bagi setiap perkataan. Berikut merupakan penerangan bagi setiap komponen yang boleh dijumpai di dalam kamus tersebut.

Jadual 1: Senarai komponen berserta cara pengaplikasiannya, contoh perkataan daripada kamus dan maklumat yang berkaitan


Komponen	Cara pengaplikasian komponen	Contoh perkataan	Maklumat
Sebutan	Menggunakan tanda diakritik seperti: ● ā : bunyi penuh ● a atau ă : bunyi pendek	siāpa (hlm: 194)	سياڤ siāpa
Pengimbuhan	Menggunakan tanda sempang (-) untuk memisahkan imbuhan dengan kata dasar	pindah (hlm: 233)	Ber-pindah
Senses	Menggunakan tanda (;) untuk memisahkan dua atau lebih makna yang sama	Attributes (hlm: 386)	فعال faāl; (qualities) صفة sifat
Definisi	Maksud perkataan dihuraikan dengan tepat	bālōng (hlm: 34)	the comb of a cock
Contoh	Perkataan ditulis dalam ayat	akan (hlm: 11)	Ingat-lah akan diri-mu take heed to thyself
Etimologi	Menggunakan singkatan untuk kata pinjaman: ● Bahasa Parsi: PER. ● Bahasa Arab: AR. ● Bahasa Sanskrit: HIND.	perwāra (hlm. 221)	ڤروار perwāra, PER.

Oleh itu, Jadual 1 tersebut menunjukkan bahawa komponen-komponen yang terdapat di dalam kamus ini menjadikannya satu karya yang sangat berguna terutamanya bagi pengguna yang ingin menguasai bahasa pertuturan. Hal ini bersangkut paut dengan ketelitian Marsden dalam menerapkan komponen-komponen tersebut semasa proses penulisan kamus ini. Misalnya, berdasarkan komponen sebutan, beliau menekankan tentang cara menyebut setiap perkataan bahasa Melayu dengan betul terutamanya bagi mereka yang bukan penutur natif bagi bahasa tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan melalui pernyataan Marsden (1812) yang menyatakan bahawa:

I have followed as closely the literal orthography of the original as could be done consistently with a fair expression of the sound, and where these could not be reconciled I have given a preference to the latter consideration, because it appeared of more importance than the word should be rightly pronounced by those who cannot read the Malayan character, than that the more learned scholar should be gratified by a literal accuracy to him not absolutely necessary

(Marsden, 1812; hlm. vi)


Hasil penelitian terhadap kamus ini jelas menunjukkan adanya perbezaan bagi kedua-dua bahasa Melayu formal dan bahasa Melayu yang tidak formal. Bagi individu yang ingin menguasainya secara tidak formal, sememangnya mereka memerlukan kaedah yang berbeza daripada mempelajari bahasa ini secara formal. Maka, Marsden menghasilkan kamus ini dengan mengambil kira elemen-elemen penting yang berkait rapat dengan penguasaan bahasa pertuturan. Menurut Marsden (1812), “*Frequently indeed I have been induced to repeat the spelling with some variation in order to convey a juster idea of the pronunciation*” (ms. vi). Berdasarkan pernyataan tersebut elemen yang diterapkan ialah elemen pengulangan yang sangat membantu dalam proses menguasai sebutan bagi perkataan-perkataan yang baru dikenali rajah di bawah.



Rajah 5: Terjemahan perkataan “asing” dengan pengulangan kata yang berlainan maksudnya.
(Sumber: *A Dictionary of the Malayan Language*, Marsden, 1812)

Berdasarkan Rajah 5, pengulangan bagi perkataan “asing” dapat dilihat melalui perkataan-perkataan yang lain seperti “Orang asing”, “Dagangan deri-pada negri asing”, “asing-kan”, “Asing-asing” dan “per-asing-an” di mana masing-masing membawa maksud yang berlainan.

Bukan itu sahaja, contoh-contoh yang diberikan dalam kamus Marsden menzahirkan penggunaan perkataan-perkataan dalam bahasa pertuturan yang sesuai dengan zaman tersebut. Malahan contoh-contoh bagi sesuatu perkataan diperbanyakkan bagi membolehkan para pengguna membuat perbandingan semasa proses menguasai sesuatu sebutan tersebut. Hal ini dapat diperhatikan dalam Rajah 6.



Rajah 5: Terjemahan perkataan “abang” berserta contoh-contohnya.
(Sumber: *A Dictionary of the Malayan Language*, Marsden, 1812)

Dalam Rajah 6, perkataan “abang” dihuraikan maknanya dengan beberapa contoh ayat yang berlainan maksud dan disampaikan dengan menggunakan cara penutur asal pada zaman tersebut berkomunikasi.

Secara logiknya, penguasaan sesuatu bahasa pertuturan sememangnya memerlukan pembelajaran yang dilakukan secara verbal iaitu menyebut perkataan secara realistik. Walau bagaimanapun, nilai kreativiti yang dimiliki oleh Marsden menerusi penghasilan kamus ini membuktikan bahawa, pemaparan idea-idea berkenaan cara menguasai sebutan perkataan di dalam bahasa Melayu boleh dibuat menerusi medium tulisan sahaja.

Usaha mempromosikan bahasa Melayu dan tulisan Jawi kepada orang-orang Barat

A Dictionary of the Malayan Language (1812) merupakan sebuah kamus yang berfungsi sebagai alat untuk memperkenalkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi kepada orang-orang Barat. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh Marsden selaras dengan keperluan pengembara-pengembara Barat yang giat mengembara dengan berbagai-bagai urusan yang memerlukan mereka untuk berkomunikasi dengan penutur asal. Malahan perkara ini dapat dikukuhkan lagi apabila Nazilah Mohamad dan Nor hasimah Ismail (2017) berpendapat bahawa “*The Malay world reputation attracted Western people consisting of merchants, scholars, government representatives, missionaries, adventurers, scientists and geologists from various countries such as Italy, Germany, Portuguese, Dutch, and English to capture the treasures of the Malay world*” (hlm. 1062). Oleh itu, keupayaan bertutur dengan bahasa dan memahami budaya tempatan menjadi bonus dan memudahkan urusan mereka di tempat mereka berurusan sesuai dengan pandangan Mardian Shah Omar, Azman Rahmat dan Yusfarina Mohd Yussof (2017) iaitu pengajaran bahasa kepada penutur bukan natif sudah pasti akan menjadi bertambah menarik dengan penerapan unsur-unsur budaya ke dalamnya kerana sosiobudaya mencakupi gaya hidup dan peradaban sesuatu masyarakat, akhlak dalam pergaulan, pengurusan urus niaga dan penyairan, kebudayaan dan kesenian, kesukanan, pendidikan, upacara, sambutan dan perayaan (Siti Khariah Mohd Zubir, 2013). Oleh yang demikian, kamus Marsden merupakan satu inisiatif dalam membantu orang-orang Barat untuk belajar tentang bahasa pertuturan Melayu agar mereka dapat memahami sosiobudaya orang-orang tempatan sekali gus melancarkan urusan yang dihasratkan misalnya seperti para pendakwah agama Islam yang berjaya menyebarkan agama Islam yang masih baharu secara lisan dan praktis (Ani Omar, 2012). Hal ini dapat dikukuhkan lagi berdasarkan pendapat Marsden (1812):

My wish has been to facilitate the labours of those who, not regarding Malayan as merely an oral language, are desirous of studying its literature, and rendering themselves qualified to read and translate, not only letters on commercial and political business, but also compositions of a higher description, both in prose and verse, which, whatever their intrinsic merit may be, are certainly amusing at the least

(Marsden, 1812; hlm. iii)

Jika dibuat perbandingan akan keberkesanan antara kamus yang dihasilkan oleh orang tempatan dengan kamus yang dihasilkan oleh orang Barat itu sendiri, maka jelaslah bahawa kamus yang dihasilkan oleh orang Barat tersebut lebih mudah difahami oleh orang-orang Barat yang lain. Hal ini demikian kerana, orang tempatan dan orang Barat mempunyai perspektif yang berbeza dalam aspek penguasaan bahasa Melayu ini. Oleh itu, William Marsden boleh dikatakan sebagai seorang “duta” yang dapat mempromosikan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa yakni, dalam konteks ini lebih tertumpu kepada orang-orang Barat. *A Dictionary of the Malayan Language* (1812) ditulis oleh Marsden berdasarkan perspektifnya sebagai orang Barat yang sememangnya akan memudahkan lagi proses menguasai bahasa Melayu dalam kalangan orang-orang Barat yang lain. Hal ini bersangkut paut dengan fokus utama Marsden iaitu menyasarkan golongan pengguna bahasa yang memiliki pengetahuan bahasa Melayu dan orang Inggeris atau orang berpengetahuan bahasa Inggeris yang ingin belajar bahasa Melayu (Nazilah Mohamad, Karim Harun & Nor Hasimah Ismail, 2017). Bukan itu sahaja, kebanyakan daripada penjelasan dan penerangan yang terdapat di dalam kamus tersebut sering dikaitkan dengan orang-orang Barat dalam konteks penggunaan bahasa Melayu. Perkara ini ada dinyatakan di dalam petikan yang berikut:

To have pursued a different plan would not only have occasioned unnecessary repetitions, but it must also be obvious that as the Dictionary is intended for the use of the European who wishes to become master of the idioms and phraseology of the Malayan, rather than to convey a knowledge of English idioms to Malay, it is of much more consequence that an arrangement should be followed which admits of the Malayan examples being genuine quotations, and enables the native as it were to speak for himself, than to produce the purest English sentences, which must necessarily be rendered in Malayan phrases of my own composition.

(Marsden, 1812; hlm. ii)

Dalam pada itu, usaha Marsden dalam menyampaikan idea-idea beliau menerusi kamus ini dapat dilihat dengan jelas apabila penerangan-penerangan yang disampaikan sering dikaitkan dengan bahasa asal bagi orang-orang Barat iaitu bahasa Inggeris. Hal ini termasuklah dari aspek tatabahasa yang diterangkan secara umum di dalam kamus ini seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata keterangan dan lain-lain. Terdapat perkataan-perkataan yang tergolong dalam kategori kata primitif ini akan berubah apabila kedudukan kata tersebut turut berubah di dalam sesuatu perkataan. Menurut Marsden (1812):

"In Malayan as in English, a multitude of primitive words are at once noun and verb (as "love"), substantive and adjective (as "white"), adverb (as "daily"), and their value in construction depends for the the most part on their position in the sentence

(Marsden, 1812; hlm. viii)

Tidak lupa juga bahawa pada masa yang sama tulisan Jawi turut diperkenalkan di samping bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana Jawi merupakan tulisan yang utama yang digunakan sebagai medium menyampaikan mesej di dalam bahasa Melayu pada ketika itu. Maka, orang-orang Barat yang ingin menguasai bahasa Melayu sememangnya perlu turut sama menguasai tulisan Jawi. Misalnya, bagi perkataan-perkataan yang berkait rapat dengan sesuatu loghat memerlukan pengubahsuaian yang sesuai dalam aspek ejaan perkataan dengan menggunakan tulisan Jawi. Berikut merupakan petikan pernyataan yang terdapat di dalam kamus tersebut:

To present an accented syllable, which at the same time is not long (as in بېسَر besár, بېتُل betül) I have made use of the acute accent, and the letter ain which occasionally stands in the place of all the vowels, I have denoted by grave accent, to distinguish it from the same vowel sound produced in the ordinary way

(Marsden, 1812; hlm. viii)

Dengan itu, penglibatan Marsden dalam memperkenalkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi kepada orang-orang Barat dapat dilihat dengan jelas. Hal ini dikatakan demikian kerana kamus yang dihasilkan ini membuktikan bahawa Marsden menitikberatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan orang-orang Barat. Pada masa yang sama, tulisan Jawi turut diperkenalkan kepada mereka dan ini sekali gus menjadi satu inisiatif untuk mempromosikan bahasa Melayu kepada individu yang bukan tergolong dalam penutur asal bahasa ini.

KESIMPULAN

Menerusi penelitian yang dijalankan berhubung topik ini, dapat dirumuskan bahawa dalam usaha memperkembangkan Bahasa Melayu, penghasilan bahan rujukan perlu mempunyai ciri-ciri seperti mesra pengguna, memudahkan pemahaman makna, menekankan perkataan yang lazim dalam pertuturan seharian, tidak terikat dengan peraturan tatabahasa yang ketat dan paling penting disesuaikan dengan golongan sasaran. Hal ini demikian kerana, bahasa adalah alat untuk berkomunikasi antara dua pihak yang membolehkan penyampaian maklumat diterima dan difahami dengan cara yang mudah. Dalam hal ini, sarjana Barat seperti William Marsden telah berjaya menghasilkan sebuah panduan untuk rujukan penutur bukan natif bertutur dalam bahasa Melayu sekaligus dapat memudahkan urusan mereka ketika berurusan masyarakat tempat di Alam Melayu.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia, rakan penyelidik, dan institusi pengajian atas sokongan serta bimbingan. Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah FRGS Grant Reference Code [FRGS/1/2022/SS107/UPSI/02/22, Project Code: 2022-0055-107-02]. Segala sokongan, bantuan kewangan dan ilmiah amat dihargai dalam merealisasikan penulisan artikel peradaban Melayu ini.

RUJUKAN

- Ani Omar. (2012). Tulisan Jawi: Pemikiran penyair dalam puisi Melayu Moden dari perspektif teori SPB4K. *Jurnal Peradaban Melayu*, 7, 125-144. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3198>.
- Caroll, D. J. (2011). William Marsden and patterns of British scholarship in the Malay Peninsula, *Indonesia and the Malay World*, 39(114), 269-294, doi: 10.1080/13639811.2011.575623.
- Caroll, D. J. (2019). William Marsden, The scholar behind The History of Sumatera. *Indonesia and the Malay World*, 47(137), 66-89. doi:10.1080/13639811.2019.1538689.
- King's College London. (2001). *Marsden, William (1754-1836)*. Diperoleh daripada https://kingscollections.org/_assets/components/archiospdfbuilder/?docid=816.
- Kratz, E. U. (2006). Like a fish gasping for water: The letters of a temporary spouse from Bengkulu. *Indonesia and the Malay World*, 34(100), 247-280. doi: 10.1080/13639810601130119.
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam budaya dalam pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. *Jurnal Linguistik*, 21 (2), 81-92. Diperoleh daripada <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/26>.
- Marsden, W. (1812). *A Dictionary of the Malayan Language*. Diperoleh daripada https://books.google.com.my/books?id=a91GAAAcAAJ&printsec=frontcover&dq=william+marsden&hl=en&sa=X&redir_esc=y#v=onepage&q&f=false.
- Marsden, W. (1838). *Brief memoir of the life and writings of the late William Marsden*. Diperoleh daripada <https://books.google.com.my/books?id=G4NPAAAcAAJ&printsec=frontcover#v=onepage&q&f=false>.
- Mohd Rashid Md Idris, Seri Lanang Jaya Rohani, Siti Khairiah Mohd Zubir, Mohd Rain Shaari & Abdullah Yusof. (2012). Dialektologi Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 7, 1-23. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3190>.
- Mohd Suhaizi Suhaimi & Nazri Mustapha Dawan. (2018). Pengkaedahan susun atur dalam kamus dwibahasa. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 20(1), 27-37. Diperoleh daripada <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/11994>.
- Müller, M. (2014). Manufacturing Malayness. *Indonesia and the Malay World*, 42(123), 170-196. doi: 10.1080/13639811.2014.912409.
- National Library of Singapore. (2016, April). The Bastin collection on Raffles. *BIBLIOASIA*. Diperoleh daripada https://biblioasia.nlb.gov.sg/past-issues/pdf/vol-12/v12-issue1_Bastin.pdf.
- Nazilah Mohamad, Karim Harun & Nor Hasimah Ismail. (2017). *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 4 (1), 49 - 62. Diperoleh daripada <https://journalfbmk.upm.edu.my/ojs3/index.php/mahawangsa/issue/view/21/18>.
- Nazilah Mohamad & Nor Hasimah Ismail. (2017). Malay science: A study on the 17th century dictionary. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1061-1071. doi: 10.6007/IJARBS/v7-i6/3066.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). Implikasi merantau terhadap perkembangan sosiobudaya orang Melayu dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 31-44. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/3229>.
- Sweeney, A. (2005). *Karya lengkap Abdullah Abdul Kadir Munsyi: Hikayat Abdullah*. Diperoleh daripada https://books.google.com.my/books?id=kjbaJrnVpDAC&pg=PA124&lpg=PA124&dq=hikayat+abdullah+marsden&source=bl&ots=hcZ_Qj_HZC&sig=ACfU3U2-HaRQbNF5xPxBmuUKpR6l7DjjkA&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjfgezilecfxAhVRyzgGHQf5BrgQ6AEwEnoECCEQAw#v=onepage&q&f=false.